



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
CREATIVE INDUSTRIES  
(IJCREI)  
[www.ijcrei.com](http://www.ijcrei.com)



## METAFORA SEBAGAI KRITIKAN SOSIAL DALAM PANTUN MEMBENTUK NILAI INSAN

### *METAPHORS IN PANTUNS AS SOCIAL CRITICISM IN FORMING HUMAN VALUES*

Mazarul Hasan Mohamad Hanapi<sup>1\*</sup>, Norazimah Zakaria<sup>2</sup>, Abu Zarrin Selamat<sup>3</sup>, Norfaizah Abdul Jobar<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: mazarul@fpm.upsi.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: norazimah@fbk.upsi.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: zarrin@fsk.upsi.edu.my

<sup>4</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Email: norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my

\* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 14.02.2021

Revised date: 17.02.2021

Accepted date: 22.02.2021

Published date: 01.03.2021

##### To cite this document:

Hanapi, M. H. M., Zakaria, N., Selamat, A. Z., & Jobar, N. A.. (2021). Metafora Sebagai Kritikan Sosial Dalam Pantun Membentuk Nilai Insan. *International Journal of Creative Industries*, 3 (6), 31-41.

DOI: 10.35631/IJCREI.36003.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



#### Abstrak:

Kritikan dalam karya Melayu tradisional dihasilkan dalam pelbagai bentuk, dan lazimnya kritikan itu tidak disampaikan secara eksplisit atau terangkan. Sehubungan itu, bahasa yang digunakan untuk menyampaikan kritikan itu adalah bahasa figuratif yang penuh dengan kias ibarat dan metafora. Bentuk kritikan ini boleh dilihat dalam peribahasa, pantun, syair, seloka, cerita jenaka, cerita binatang, cerita lipur lara, hikayat dan juga sastera berunsur sejarah. Kritikan sosial dalam pantun melalui unsur metafora dapat menggambarkan ketinggian akal budi orang Melayu pada zaman dahulu. Kajian ini bertujuan mengenal pasti unsur metafora yang terdapat dalam pantun dan menganalisis kritikan sosial dan nilai dalam pantun berdasarkan teori Relevans. Ia akan melihat bagaimana metafora dalam pantun boleh berperanan sebagai kritikan sosial. Data yang digunakan ialah buku oleh Tenas Effendy (2004) yang bertajuk *Tunjuk Ajar dalam pantun Melayu*, diterbitkan di Yogyakarta oleh Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu. Kajian ini akan menggunakan Teori Relevans. Teori ini mementingkan pemrosesan maklumat dan mampu membantu pembaca memahami unsur metafora yang dilakukan dengan saintifik. Justeru, kritikan sosial yang wujud dalam pantun Melayu tradisional bukanlah datang sebagai sebuah hiburan semata-mata

sebaliknya mempunyai makna yang lebih mendalam. Pantun ini mempunyai unsur metafora sehingga dapat membentuk kritikan yang sinis dan tajam.

**Kata Kunci:**

Pantun, Metafora, Teori Relevans, Korpus, Sosial

**Abstract:**

Criticisms in traditional Malay works are produced in various forms, and usually, the criticisms are not conveyed in an explicit or blunt manner. Therefore, the language used to convey the criticisms is figurative language filled with similes and metaphors. These forms of criticisms can be observed in proverbs, pantuns, and other forms of poems, songs, tales of humour and of animals, folktales, sagas, and historical literature. Social criticisms through metaphorical elements in poems are able to depict the wisdom of the Malays in the times of old. This paper aims to identify the metaphorical elements found in pantuns and analyse the social criticisms and values in them based on the Relevance theory. It will see how metaphors in pantuns play the role of social critics. Data used for this study is from a book by Tenas Effendy (2004) titled *Tunjuk Ajar Dalam Pantun Melayu*, published in Yogyakarta by Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu. This study will apply the Relevance theory, where this theory emphasises the processing of information and is able to assist readers to understand the metaphorical elements that are scientifically represented. Thus, social criticisms that exist in traditional Malays pantuns are not only for entertainment purposes but also carry a far deeper meaning. Pantuns have metaphorical elements where they are able to create cynical and sharp criticisms.

**Keywords:**

*Pantuns*, Metaphors, Relevance Theory, Corpus, Social

**Pengenalan**

Istilah “kesusasteraan” dalam bahasa Melayu/Indonesia berkembang daripada kata Sanskrit sastra. Akar kata sas- adalah kata terbitan terbitan bermakna “mengarahkan, mengajar, memberi petunjuk atau instruksi. Dan akhiran –tra biasanya menunjukkan alat untuk mengajar, buku petunjuk, buku instruksi atau pengajaran; misalnya *silpasastra*: buku tentang senibina, *kavyasastra*: buku tentang puisi “kawi” dan *kamasastra* sebagai buku tentang seni cinta dan perkasihian. Daripada kata “sastera” terdapat pula susastera. Awalan su- itu daripada bahasa Sanskrit juga yang membawa maksud baik atau indah. Imbuhan -ke dan -an ditambah untuk memperlengkapkan bentuk kata terbitan yang memberikan makna yang padu dan menyeluruh iaitu segala yang tertulis, yang bernilai seni dan estetik dengan maksud memberikan panduan, petunjuk dan pengajaran (Harun Mat Piah, 2000: 2).

Dalam kelompok kesusasteraan Melayu tradisional, pantun merupakan wadah sastra berbentuk lisan yang disampaikan secara turun temurun daripada satu generasi kepada generasi yang berikutnya. Bentuk lisan ini juga dikenali sebagai sastra rakyat. Ia juga terbahagi kepada dua jenis iaitu berbentuk cerita dan bukan cerita. Pantun, peribahasa, teromba, mantera, zikir, gurindam dan lain-lain adalah sastra lisan di bawah kategori bukan cerita.

Keindahan pantun bukan sahaja terletak pada pilihan kata serta kalimatnya yang berima, tetapi terkandung di dalamnya makna dan falsafah yang sangat baik mewakili pancaran pemikiran masyarakat tradisi dahulu. Terdapat banyak pantun yang terakam di dalamnya tunjuk ajar, atau nasihat dan berkaitan tentang cara hidup beragama, bermasyarakat, dan berkeluarga.

### Sorotan Literatur

Pemikir-pemikir dan pengkaji Melayu telah lama membuat kajian terhadap isu kritikan sosial dalam genre-genre ini, antaranya Mohd. Taib (1988), S. Othman Kelantan (1997), Hassan (2003), Harun (2004), Muhammad (2006), Ahmad Fuad & Zaitul Azma (2007), Zurinah et. al (2008), Zaitul Azma & Ahmad Fuad (2011).

Ada antara kajian-kajian ini memberi fokus kepada satu-satu kategori misalnya Muhammad (2006), Ahmad Fuad & Zaitul Azma (2007), Zurinah et. Al (2008), membincangkan kritikan sosial dalam genre pantun, Zaitul Azma & Ahmad Fuad (2011) menyentuh isu etika masyarakat Melayu dalam peribahasa manakala Harun memusat kepada genre prosa. Namun ada juga kajian yang membincangkan isu kritikan sosial dalam karya Melayu tradisional tanpa mengasingkannya mengikut genre, atau semua genre dibincangkan serentak.

Sehubungan itu, dapat difahami bahawa genre karya Melayu tradisional hanyalah membezakan bentuknya tetapi pemikiran dan cetusan minda yang menghasilkannya adalah sama. Pantun dan peribahasa tidak menampilkan perbezaan yang besar dari segi bentuknya, kerana peribahasa itu sendiri kadangkala dimasukkan ke dalam pantun. Begitu juga halnya bagi isu kritikan sosial dalam kedua-dua genre ini.

Muhammad (2006) menemukan bahawa pantun yang melibatkan konflik dan kritikan lebih banyak datang dalam bentuk peribadi tetapi kurang melibatkan masyarakat sosial. Bagaimanapun, S. Othman Kelantan (1997), Ahmad Fuad & Zaitul Azma (2007), Zurinah et. al (2008) dan Zaitul Azma & Ahmad Fuad (2011) mendapati pantun dan peribahasa juga menjadi salah satu alat kritik sosial dalam masyarakat melalui sindiran, ejekan, kiasan, gurauan dan bantahan. Kritikan ini disampaikan dengan satu objektif iaitu sebagai pesanan, nasihat, pengajaran dan membetulkan kepincangan yang berlaku dalam masyarakat.

Teori Relevans yang diasaskan oleh Dan Sperber dan Deidre Wilson pada tahun 1986 melalui buku *Relevance Communication and Cognition* (1986) menekankan bentuk komunikasi yang dapat difahami antara penutur dengan pendengar. Penutur seharusnya dapat menjamin setiap yang dibuahkan itu benar-benar relevan serta mudah untuk difahami oleh pendengar. Tiga konsep penting yang ditekankan oleh Teori Relevans dalam pentafsiran makna ialah konteks, kesan konteks dan kos proses. Dengan itu, konteks haruslah seimbang dengan masa memproses bagi menghasilkan kandungan maklumat yang diharapkan.

### Metodologi Kajian

Kajian ini akan melihat bagaimana metafora dalam pantun boleh berperanan sebagai kritikan sosial. Data yang digunakan ialah buku oleh Tenas Effendy (2004) yang bertajuk *Tunjuk Ajar dalam pantun Melayu*, diterbitkan di Yogyakarta oleh Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu. Kajian ini akan menggunakan Teori Relevans, teori yang mementingkan pemrosesan maklumat mampu membantu pembaca memahami unsur metafora yang dilakarkan dengan saintifik.

Kajian ini melihat kritikan sosial melalui Teori Relevans dengan menggunakan korpus pantun bagi mensahihkan persepsi di atas. Eksplikatur dan implikatur pada mesej yang hendak disampaikan akan dicungkil bagi memudahkan pemahaman pembaca memahami kritikan sosial yang hendak disampaikan oleh pengarang.

Data akan dianalisis menggunakan alat dan acuan linguistik iaitu Teori Relevans, iaitu teori yang mengkaji hubungan di antara komunikasi dan kognisi. Konsep *ad hoc* yang merupakan konsep penting dalam teori ini akan dijadikan acuan bagi memastikan dapatan yang bersifat saintifik, iaitu bukan sahaja melepasi tahap kepadaan pemerhatian (*observational adequacy*) dan kepadaan penghuraian (*descriptive adequacy*) bahkan mencakupi kepadaan penjelasan (*explanatory adequacy*) (Chomsky 1970).

### Dapatan Kajian

Menurut Zainal Abidin Bakar yang dipetik dalam Mohd Rosli Saludin (2011: 188) pantun terbahagi kepada tiga jenis iaitu sudut khalayak, sudut bentuk dan sudut tema. Pertama ialah sudut khalayak. Sudut khalayak ialah penutur dan pendengar pantun yang terdiri daripada kanak-kanak, dewasa dan orang tua. Kedua ialah sudut bentuk. Dan ketiga ialah sudut tema. Terdapat sebelas tema dalam pantun iaitu, pantun adat dan resam manusia, pantun agama dan kepercayaan, pantun budi, pantun jenaka dan permainan, pantun teka-teki, pantun kepahlawanan, pantun nasihat dan pendidikan, pantun peribahasa dan perbilang, pantun kias dan ibarat, pantun kembara dan perantauan, dan pantun percintaan.

Pantun ialah sejenis puisi yang terikat, umumnya terdiri daripada empat baris serangkap, mempunyai rima akhir a-b-a-b. Setiap rangkap mempunyai pembayang dan maksud. Pantun boleh menjadi dua baris, empat baris, enam baris, dua belas baris dan seterusnya pantun berkait.

Pantun mempunyai peranannya yang tersendiri dalam masyarakat Melayu. Antara peranan pantun menurut Mohd Rosli Saludin (2011: 189) ialah:

1. Alat untuk mendapat gambaran masyarakat, terutamanya sebagai gambaran minda dan pemikiran masyarakat Melayu, pandangan hidup, harapan, dan cita-cita.
2. Alat untuk menguji ketajaman minda dan kehalusan perasaan. Sebagai contoh pantun teka-teki, pantun peribahasa dan lain-lain.
3. Diperguna juga dalam kegiatan seni, keagamaan dan adat istiadat.
4. Digunakan untuk pendidikan sama ada untuk menyindir, kiasan atau berterus terang.
5. Alat untuk hiburan dan bahan untuk jenaka seperti pantun jenaka, pantun permainan dan lain-lain.
6. Alat untuk berkomunikasi untuk menyampaikan isi hati. Sebagai contoh sanjungan, pemujaan dan ucapan selamat kepada seseorang dalam majlis upacara atau majlis rasmi.

Berdasarkan fungsi pantun di atas maka pantun mempunyai peranan yang tersendiri dalam memberikan pengaruh nilai yang baik dalam kehidupan masyarakat tradisi. Fenomena berpantun dalam kalangan masyarakat tradisi amat penting kerana ia berhubung kait dengan pancaran akal budi pemikiran masyarakat pada masa itu disamping memberi hiburan dan didaktik atau pengajaran kepada khalayak.

Masyarakat Melayu memilih untuk berkata-kata secara beralas dalam semua aspek kehidupan termasuk ketika menyampaikan kritikan. Oleh sebab kritikan itu tajam, maka disampaikan secara beralas dan berkias agar pihak yang mendengar tidak terasa hati sekali gus mampu menjaga air muka si pendengar. Orang Melayu sangat menjaga keharmonian dalam bermasyarakat, dan ini dibuktikan dengan cara mereka berbahasa. Pengarang pantun dan peribahasa menggunakan bahasa-bahasa figuratif atau kiasan seperti metafora, perumpamaan, tamsilan dan personifikasi yang lazimnya berkaitan dengan unsur alam.

Pemilihan unsur alam ini dipengaruhi oleh latar hidup masyarakat Melayu pada zaman tersebut. Pengalaman budaya yang dikongsi oleh orang Melayu ini mendorong pemahaman yang baik dalam mentafsir makna pantun dan peribahasa yang disampaikan, kerana penutur dan pendengar berada dalam konteks yang sama. Apa yang lebih penting bagi si penutur adalah mesej yang ingin disampaikan (melalui bahasa kiasan itu) dapat diterima oleh si pendengar.

Antara tema-tema kritikan sosial yang terdapat dalam pantun dan peribahasa Melayu adalah seperti percintaan, etika, kekeluargaan dan sifat-sifat manusia sama ada yang baik mahupun yang buruk. Dalam tema percintaan, kritikan atau peringatan yang sering diungkapkan adalah berkenaan tatasusila mencari dan memilih pasangan, menjaga kehormatan, menghargai pasangan, dan kesetiaan. Dalam aspek etika pula, kritikan sosial menunjukkan bahawa orang Melayu peka terhadap masyarakatnya sendiri, sentiasa menegur tingkah laku yang tidak bermoral dan sebagai teladan kepada generasi akan datang tentang tindakan yang wajar dan tidak wajar dilakukan. Masyarakat juga diberi panduan dalam mendidik anak-anak dan menghormati orang tua.

Masyarakat Melayu turut mengecam sifat-sifat yang buruk agar tidak diikuti dan dibiasakan dalam kehidupan misalnya sifat tamak, khianat, sombong, hasad dengki, malas, kedekut dan banyak lagi. Sifat-sifat mulia pula seperti bersopan-santun, rajin, berbudi, muafakat, berilmu, beradab dan lain-lain dipuji agar menjadi ikutan dan amalan sepanjang hayat. Secara umumnya, sifat-sifat yang mulia ini adalah berlandaskan akhlak yang baik mengikut ajaran Islam.

Sebagaimana perbincangan hasil penemuan kajian-kajian di atas, kritikan sosial dalam pantun dan peribahasa lebih menjurus kepada pesanan, teguran dan nasihat dalam kalangan ahli masyarakat Melayu yang biasanya tinggal secara kolektif. Hanya sedikit ditemui pantun dan peribahasa yang secara khusus mengkritik pihak pemerintah atau pihak kerajaan dan pantun tersebut juga terkandung dalam hikayat atau cerita rakyat. Kritikan terhadap pihak pemerintah sebenarnya lebih tertumpu dalam genre prosa sama ada dalam bentuk karya lipur lara, cerita binatang, hikayat dan sastera sejarah.

Ada beberapa data yang telah berjaya dikutip dalam pantun tersebut yang boleh dijadikan sumber data. Data ini seterusnya dikategorikan berdasarkan konsep eksplikatur dan implikatur. Dari sini akan terserlah kritikan sosial yang cuba dicungkil dari dahulu hingga kini oleh pengarang tradisi. Daripada data yang tersenarai, ada dua nilai yang boleh ditemui sebagai kritikan sosial dan dinyatakan dalam bentuk metafora iaitu:

## Kritikan Sosial Dalam Pantun Dan Teori Relevans

### *Nilai adab*

Ini semua boleh digambarkan melalui ujaran eksplisit dan implisit. Contohnya, berkaitan dengan nilai adab. Dalam pantun Melayu banyak diujarkan tentang nilai adab yang perlu dipatuhi oleh masyarakat dan wujudnya pengajaran kepada masyarakat sekiranya sesuatu adab itu tidak dipatuhi. Ia mungkin akan dikenakan tekanan sosial oleh masyarakat, agama dan sistem adat itu sendiri. Maka, nilai yang baik dalam pantun Melayu boleh membentuk jati diri orang Melayu untuk menjadi lebih beradab dan baik. Contoh pantun tentang adab:

### Data Eksplikatur Dan Implikatur: Nilai Adab

Kalau bertanak dengan menggulai  
Mengacau gulai pecah isinya  
Kalau gelak nak jangan mengilai  
Kalau mengilai rendah budinya.

(*Tunjuk Ajar dalam Pantun Melayu: 84*)

Biar orang mencabut cendawan  
Kita mencabut padi kan mati  
Biar orang berebut bangsawan  
Kita berebut budi pekerti

(*Tunjuk Ajar dalam Pantun Melayu: 109*)

Beberapa leksikal berbantuan konteks dalam teks di atas tidak bersifat harfiah. Metafora itu didatangkan oleh pengarang dengan tujuannya yang tersendiri, selari dengan tujuan pantun tersebut dicipta. Maka sudah pasti banyak makna tersirat yang perlu dicungkil. Melalui analisis *ad-hoc* yang boleh mencungkil makna metafora sama ada melalui penyempitan atau peluasan makna, bentuk-bentuk logik iaitu makna harfiah dikeluarkan, dan seterusnya andaian implikatur dan kesimpulannya dibina sebagaimana dalam jadual di bawah:

Eksplikatur	Kalau bertanak dengan menggulai Mengacau gulai pecah isinya
Bentuk Logik	Bertanak ialah perbuatan memasak nasi dan menggulai ialah perbuatan memasak lauk pauk
Andaian Implikatur	Perbuatan memasak dan menggulai yang elok ialah memasak tidak mengacau-ngacau lauk pauk tersebut sehingga rosak dan hancur.
Kesimpulan Implikatur	Perbuatan gelak atau ketawa yang kuat dan mengilai itu melambangkan orang yang tiada adab dalam masyarakat Melayu
Jenis <i>ad hoc</i>	Peluasan

**Jadual 1: Interpretasi Data: Nilai Adab**



Eksplikatur	Biar orang mencabut cendawan Kita mencabut padi kan mati
Bentuk Logik	Cendawan boleh dicabut dan boleh hidup subur selepas dicabut tetapi padi tidak boleh dicabut kerana ia akan mati
Andaian Implikatur	Perbuatan mencabut cendawan adalah biasa dalam masyarakat Melayu tetapi perbuatan mencabut padi adalah dilarang sama sekali
Kesimpulan Implikatur	Melambangkan orang yang mesti mementingkan budi pekerti melebihi kekayaan hidup seperti bangsawan
Jenis <i>ad hoc</i>	Peluasan

**Jadual 2: Interpretasi Data: Nilai Adab**

Beberapa leksikal yang memainkan peranan penting untuk menyingkap metafora pantun ini dianalisis agar makna dan kritikan sosial yang ingin disampaikan oleh pengarang dapat dicapai. Eksplikatur dalam jadual-jadual di atas pada peringkat pemahaman semantikanya tidak menimbulkan apa-apa keraguan dan ketersiratan. Hal ini kerana interpretasi yang dilakukan tidak mengambil kira konteks yang melingkungi wacana tersebut. Bagi mengisi kelompongan tersebut, pendekatan pragmatik khususnya teori Relevans mampu mencari makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang menerusi metafora tersebut.

Teori Relevans sangat mementingkan konteks dan kesan konteks, kerana dengan adanya kedua-dua konsep ini maklumat yang ingin disampaikan akan menjadi relevan (sesuai, difahami dan diterima) kepada pendengar. Ternyata pengarang Melayu tradisional walaupun tidak pernah mengenal sebarang teori linguistik pada zaman tersebut, mampu menepati konsep relevan ini dalam karya mereka.

Contoh pantun di atas ialah mengenai adab dan perilaku seseorang supaya tidak ketawa dengan kuat sehingga mengilai, ia memberi gambaran tentang adab yang tidak baik dan wajar dihindari. Ia bersesuaian dengan agama Islam yang melarang kita daripada sifat riak, sombong dan takbur. Sikap ketawa dengan sekuat hati dan mengilai yang digambarkan boleh menyebabkan seseorang itu mudah menjadi sombong dan riak sehingga harga dirinya menjadi rendah pada pandangan masyarakat di sekelilingnya.

Dalam Jadual 1, apabila bentuk logik bagi perbuatan gelak difahami dan digandingkan bersama eksplikatur, maka keraguan dan ketersiratan makna telah dapat dihidu oleh pembaca. Perbuatan gelak ialah perlakuan yang menimbulkan gelihati kepada seseorang individu. Dan seseorang itu boleh gelak dalam bermacam-macam cara.

Namun begitu, dalam pantun ini gelak yang mengilai adalah dilarang sama sekali buktinya daripada leksikal dan frasa seperti rendah budinya mengukuhkan andaian pembaca lantas membina kesan kognitif dan mendorong kepada pemprosesan maklumat bahawa gelak sehingga mengilai adalah suatu perbuatan yang tidak elok. Frasa “kalau bertanak dengan menggulai, mengacau gulai pecah isinya” adalah metafora yang dapat dicapai melalui konsep *ad hoc* peluasan.

### Nilai Malu

Seterusnya menurut Wan Abdul Kadir (2000: 56) konsep malu yang digunakan dalam masyarakat Melayu boleh membawa dua pengertian atau makna. Pertama, malu yang membawa pengertian segan atau kurang selesa untuk melakukan sesuatu. Misalnya malu bertanya sesat jalan, malu makan akan lapar, dan malu bekerja akan menjadi miskin. Sikap malu seperti ini amat merugikan seseorang dan boleh membawa kesan buruk. Perasaan malu yang timbul seperti itu boleh dianggap suatu sikap yang negatif dan boleh mempengaruhi orang Melayu menjadi lemah. Sikap malu seperti ini selalu pula difahami sebagaimana malu dalam maksud yang kedua, iaitu rasa malu kerana melakukan kesalahan.

Antara pantun yang mengingatkan kita supaya tidak melakukan kesalahan-kesalahan ialah:

Tembuk labu di balik peti  
Daun cabai dipatuk balam  
Menengok Penghulu asyik berjudi  
Turun Wak Lebai menyabung ayam.

(*Tunjuk Ajar dalam Pantun Melayu: 141*)

Eksplikatur	Tembuk labu di balik peti Daun cabai dipatuk balam
Bentuk Logik	Labu dan daun cabai ialah sejenis buah dan tumbuh-tumbuhan
Andaian Implikatur	Perbuatan menembuk labu secara bersembunyi di belakang peti dan daun cabai yang telah rosak akibat perbuatan dipatuk balam
Kesimpulan Implikatur	Melambangkan sikap pemimpin yang tidak patut dicontohi dan perilaku yang tidak baik.
Jenis <i>ad hoc</i>	Peluasan

**Jadual 3: Interpretasi Data: Nilai Malu**

Sifat “malu” yang tinggi melambangkan wajah bangsa Melayu yang mempunyai jati diri yang baik. Tertanam di dalam pemikiran mereka bahawa kedua-dua nilai ini iaitu nilai adab dan nilai malu saling berhubungkait di antara satu sama lain. Sekiranya masyarakat Melayu melanggar tatasusila adab yang telah tertanam dalam pemikiran masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi maka mereka akan menerima suatu tekanan sosial sama ada dari segi undang-undang, masyarakat dan agama.

Konsep malu yang dipupuk dalam masyarakat Melayu adalah bersesuaian dengan nilai-nilai Islam, iaitu perasaan hina kerana melakukan penyelewengan atau kesalahan. Perasaan malu yang berkaitan dengan perlakuan-perlakuan yang boleh membawa malu kepada siri seseorang sangat ditekankan oleh orang-orang Melayu, terutama semasa mendidik anak-anak. Semasa kecil lagi anak-anak dididik supaya mereka dapat memahami dan membezakan perlakuan-perlakuan yang boleh membawa malu dan tidak. Perbuatan yang memalukan ialah apabila melibatkan dengan kes-kes penyelewengan atau kesalahan. Semakin besar kesalahan yang dilakukan oleh seseorang bermakna semakin meningkat perasaan malu yang dirasainya (Wan Abdul Kadir, 2000: 57).



## Penutup

Setelah data dianalisis menggunakan teori Relevans, terbukti bahawa kritikan sosial yang wujud dalam pantun Melayu tradisional bukanlah datang sebagai sebuah hiburan semata-mata sebaliknya mempunyai makna yang lebih mendalam. Pantun ini mempunyai unsur metafora sehingga dapat membentuk kritikan yang sinis dan tajam. Hal ini membuktikan bahawa pengarang Melayu tradisional adalah golongan cendekiawan dan peninggalan mereka perlu kita hargai dan banggakan, iaitu pantun Melayu. Justeru, nilai keindahan dan pengajaran yang terdapat dalam pantun Melayu menjadi suatu wadah sumber hiburan dan pemikiran masyarakat Melayu tradisi.

## Rujukan

- Abdullah Hassan. (1990). "Semiotik dan bahasa" dlm *Kesusasteraan daripada Perspektif Semiotik*. Supardy Muradi. (Peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- A.Teeuw. (1992). *Membaca dan Menilai Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Fuad Mat Hassan. (2007). "Unsur Ironi dan Metafora dalam Pantun Melayu" dlm *Seminar Pantun Melayu: Semalam, Hari Ini dan Esok*. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 6-7 Disember 2007.
- Chomsky. (1970). *Current Issues in Linguistic Theory*. Ed. Ke-5. Mouton: The Hague.
- Ding Choo Ming. (2009). *Manuskrip Melayu Sumber Maklumat Peribumi Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harun Mat Piah et.al. (2000). *Kesusasteraan Melayu Tradisional Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Harun Mat Piah et.al. (2006). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Jaafar. (2004). *Ikhtisar Kebudayaan dan Prosa Melayu Klasik*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris:
- Haron Daud. (2001). *Mantera Melayu: Analisis Pemikiran*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Haron Daud. (2004). *Ulit Mayang: Kumpulan Mantera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan Mat Nor. (2007). Mantera, perbomohan dan pandangan semesta Melayu dari perspektif sosiologi dan antropologi. *Pandangan Semesta Melayu Mantera*. Rogayah A.Hamid & Mariyam Salim (peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad. (2003). "Menemui Jati Diri Bangsa Melayu dalam Karya Agung Melayu" dlm. Sahlan Mohd Saman et. al (Pnyt.). *Persuratan Melayu: Pemerkasaan Warisan Bangsa*. Siri Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu VII. Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Hassan Ahmad. (2003). *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan membentuk Epistemologinya*. Bangi: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Hussain Othman. (2008). "Conceptual Understanding of Myths and Legends in Malay History". *Jurnal Sari*. 26. hlm. 91-110. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ismail Hussein. (1974). *The study of traditional Malay literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin M. Said. (2007). "Minda Orientalis dan Minda Pascakolonial: Politik Membaca Hikayat Hang Tuah." *Akademika*. 70.hlm. 41-56.

- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Norazimah Zakaria & Mohd Rosli Saludin. (2015). "Bahasa dalam Mantera Mengikuti Budaya Melayu" dlm *Jurnal Rumpun*. Tanjong Malim: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Norazimah Zakaria, Norazilawati Abdullah, Mohd Amir Mohd Zahari, Dian Syahfitri, Norfaizah Abdul Jobar, Mohd Nazir Md Zabit. (2020). "The Use Of Multimedia Materials To Develop Higher Order Thinking Skills In Writing Of Bahasa Melayu Essay Among Orang Asli Primary School Students" in *Solid State Technology*. Volume: 63 Issue: 6
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Norazimah Zakaria, Abdul Halim Ali. (2017). Fungsi dan Simbol dalam Mantera mengikuti Konteks Budaya Melayu. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*. Vol.3, Isu 1. Perak: Penerbit UPSI
- Mana Sikana. (2012). *Teori Sastera Kontemporari*. Bangi: Penerbit Pustaka Karya.
- Mohamad Hanapi, M. H., Zakaria, N., & Ali, A. (2017). Fungsi dan Simbol dalam Mantera Mengikuti Konteks Budaya Melayu. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 3(1), 21-29.
- Mohd. Taib Osman. (1988). *Bunga Rampai: Aspects of Malay Culture*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Noriah Taslim. (2010). *Lisan dan Tulisan: Teks dan Budaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Noriah Mohamed. (2006). *Sentuhan Rasa dan Fikir dalam Puisi Melayu Tradisional*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norazimah Zakaria. (2019). "The Beauty And Benefits Of Proverbs As A Symbol Of The Mind" in *Journal Of Advance Research in Dynamical & Control Systems*, Vol. 11, Special Issue-07
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Lajiman Janoory, Mohd Amir Mohd Zahari and Abdul Halim Ali. (2020). "Author's Ethics in The Writing Of Traditional Malay Literature" in *Hamdard Islamicus*, Vol. 43 No. S.2 (2020), p. 1998-2008. [https://hamdardfoundation.org/hamdard Islamicus/](https://hamdardfoundation.org/hamdard%20Islamicus/)
- Rogayah A.Hamid & Mariyam Salim (peny). (2007). *Pandangan Semesta Melayu Mantera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Othman Kelantan. (1997). *Pemikiran Satira dalam Novel Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Siti Hawa Haji Salleh. (2009). *Kelopak Pemikiran Sastera Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sulalatus Salatin*. (1996). A.Samad Ahmad (peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Sperber, D. & Wilson, D. (1999). *Relevans Komunikasi & Kognisi*. Diterjemah oleh Nor Hashimah Jalaluddin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tenas Effendy. (2004). *Tunjuk Ajar dalam pantun Melayu*. Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu
- Tenas Effendy. (2008). "Kearifan Orang Melayu Berbahasa." *Siri Syarahan Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus. (1989). *Fiksyen dan Sejarah Suatu Dialog*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir (2000). *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang-Orang Melayu*. Masfami Enterprise.
- Zakaria, N., Mohamad Hanapi, M. H., Harun, M., & Mohd, F. H. (2019). Mythical Elements Based on Traditional Malay Literature Text. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, (1997), 78–87. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.26007>

- Zakaria, N., Mohamad Hanapi, M. H., Harun, Nur Farahkhanna Mohd Rosli, Azhar Wahid and Ani Omar. (2020). "Malay Authors Strategies in Displaying the Intelligence of the Figures and Its Effects in Traditional Malay Literary Texts" in *International Journal of Innovation, Creativity and Change*. www.ijicc.net Volume 11, Issue 5
- Zakaria, N., Mohamad Hanapi, M. H., Harun, Hasrina Baharum and Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin. (2020). "The Universality of the Similarities and Differences between Malay and Chinese Mythologies" in *TEST Engineering and Management Journal*. March-April 2020. P.1543 – 1548
- Zakaria, N., Mohamad Hanapi, M. H., Alizah Lambri, Nordiana Hamzah and Normarini Norzan. (2019). "The Beauty And Benefits Of Proverbs As A Symbol Of The Mind" in *Journal of Advance Research in Dynamical & Control Systems*, Vol. 11, Special Issue-07
- Zakaria, N., & Hanapi, M. H. M. (2020). "Keindahan Simbol dan Makna dalam Pantang Larang Masyarakat Melayu". *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 3 (12), 01-12. DOI: 10.35631/IJMTSS. 312001
- Zurinah Hassan, Salinah Ja'afar & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2008). "Kritik Sosial dalam Pantun Melayu: Lambang Ketekalan Minda." dlm *Seminar Kebangsaan Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka., 24-25 November 2008.